

**MINIT MESYUARAT
MAJLIS BERSAMA JABATAN
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
BIL. 1 TAHUN 2025**

Tarikh : 28 Februari 2025 (Jumaat)
Masa : 9.30 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Perdana
Aras 18, MOTAC

KEHADIRAN

PIHAK PEGAWAI

1. YBhg. Datuk Wira Roslan Tan Sri Abdul Rahman
Ketua Setiausaha - **Pengerusi**
2. YBhg. Dato' Shahrudin bin Abu Sohot
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
3. YBrs. Dr. Shahril bin Baharim
Setiausaha Bahagian
Bahagian Akaun
4. Puan Siti Nor binti Minu
Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan
5. Encik Shafarin bin Nasuredin
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
6. Puan Aini Zulfa binti Abd Rahim
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pentadbiran
7. Encik Mohd Khairul bin Kassim
Presiden
Kelab Sukan, Kebajikan dan Sosial

8. Puan Fatimah Nazaliza binti Mohd Nasir
Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
9. Puan Noorziehan binti Sidin
Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
10. Encik Shankaran a/l Ramsomdram - **Setiausaha Pihak Pegawai**
Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

PIHAK PEKERJA

11. Encik Md Mahathir bin Md Isa - **Timbalan Pengerusi Pihak Pekerja**
Kumpulan Pembantu Tadbir Kanan
(Gred N2-N3)
Unit Malaysia My Second Home
12. Puan Siti Norhidayah binti Abd Aziz - **Setiausaha Pihak Pekerja**
Kumpulan Setiausaha Pejabat/ Pembantu Setiausaha/ Pembantu Khas/
Pegawai Khidmat Pelanggan (Gred N1-N7)
Bahagian Pengurusan Acara
13. Encik Hazwan bin Harun
Kumpulan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (Gred M9-M12)
Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan
14. Puan Sharwani binti Mohd Shahrin Silva
Kumpulan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (Gred M9-M12)
Bahagian Dasar Kebudayaan
15. Puan Ir. Atiqah binti Zainal
Kumpulan Jurutera/ Jurutera Awam/ Juruukur Bahan/ Arkitek/
Pelukis Pelan/ Penolong Jurutera/ Penolong Pegawai Senibina/
Penjaga Jentera Elektrik (Gred J1-J12/ JA5-JA7)
Bahagian Pembangunan Prasarana
16. Encik Ahmad Rahizan bin Mohd Arif
Kumpulan Jurutera/ Jurutera Awam/ Juruukur Bahan/ Arkitek/
Pelukis Pelan/ Penolong Jurutera/ Penolong Pegawai Senibina/
Penjaga Jentera Elektrik (Gred J1-J12/ JA5-JA7)
Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC)

17. Encik Wan Mohd Rahimi bin Rahim
Kumpulan Pegawai Psikologi/ Penolong Kaunselor/ Penolong Pustakawan/
Pembantu Pustakawan/ Pegawai Hal Ehwal Islam/ Penolong Pegawai Hal Ehwal
Islam/ Pegawai Arkib/ Pustakawan (Gred S1-S10)
Bahagian Pentadbiran
18. Puan Akmal Fardhiana binti Muhamad
Kumpulan Pegawai Psikologi/ Penolong Kaunselor/ Penolong Pustakawan/
Pembantu Pustakawan/ Pegawai Hal Ehwal Islam/ Penolong Pegawai Hal Ehwal
Islam/ Pegawai Arkib/ Pustakawan (Gred S1-S10)
Bahagian Pentadbiran
19. Puan Sabilah binti Kadir
Kumpulan Pegawai Kebudayaan/ Pereka/ Fotografi (Gred B1-B12)
Bahagian Dasar Kebudayaan
20. Encik Mohamad Safran bin Nawi
Kumpulan Pegawai Kebudayaan/ Pereka/ Fotografi (Gred B1-B12)
Bahagian Dasar Kebudayaan
21. Encik Amrul Fazli bin Mohamad
Kumpulan Akauntan/ Juruaudit/ Penolong Akauntan/ Penolong Juruaudit
(Gred W1-W12)
Bahagian Akaun
22. Encik Ridhuan bin Noor Affendi
Kumpulan Pegawai Teknologi Maklumat/ Penolong Pegawai Teknologi Maklumat/
Juruteknik Komputer (Gred F9-F10/ FA5-FA6/FT1-FT2)
Bahagian Pengurusan Maklumat
23. Puan Rosmawati binti Yacop
Kumpulan Pegawai Teknologi Maklumat/ Penolong Pegawai Teknologi Maklumat/
Juruteknik Komputer (Gred F9-F10/ FA5-FA6/FT1-FT2)
Bahagian Pengurusan Maklumat
24. Puan Adilillah Laily binti Mohamed Yusof
Kumpulan Pegawai Perhubungan Awam/ Pegawai Penerangan/
Penolong Pegawai Penerangan (Gred S5-S12)
Unit Komunikasi Korporat
25. Encik Anwarsya bin Mocktar@ Atan
Kumpulan Pegawai Perhubungan Awam/ Pegawai Penerangan/
Penolong Pegawai Penerangan (Gred S5-S12)
Unit Komunikasi Korporat

26. Puan Musfaleza binti Mustapa
Kumpulan Penolong Pegawai Tadbir (Gred N5-N8)
Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan
27. Encik Rozli bin Abdul Rani
Kumpulan Penolong Pegawai Tadbir (Gred N5-N8)
Pejabat MOTAC Negeri Pahang
28. Puan Nur Syafiqah binti Radzuan
Kumpulan Setiausaha Pejabat/ Pembantu Setiausaha/ Pembantu Khas/
Pegawai Khidmat Pelanggan (Gred N1-N7)
Bahagian Kewangan
29. Puan Kamariah binti Taib
Kumpulan Pembantu Tadbir Kanan (Gred N2-N3)
Bahagian Kewangan
30. Puan Roshadilah binti Md Derus
Kumpulan Pembantu Tadbir Pengeranian/Operasi (Gred N1)
Pejabat Menteri
31. Puan Nur Amira binti Mohammad Rodzi
Kumpulan Pembantu Tadbir Pengeranian/Operasi (Gred N1)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
32. Encik Asnizan bin Mat Sufi
Kumpulan Pembantu Tadbir Kewangan (Gred W1-W3)
Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan
33. Puan Norsharniza binti Abd Rahim
Kumpulan Pembantu Tadbir Kewangan (Gred W1-W3)
Bahagian Kewangan
34. Encik Lukman Hakim Lubis bin Mohamed
Kumpulan Pembantu Khidmat Awam (Gred H1)
Pejabat Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan)
35. Encik Muhammad Saiful bin A. Rahim
Kumpulan Pembantu Khidmat Awam (Gred H1)
Bahagian Pentadbiran
36. Encik Mohd Rafi bin Said
Kumpulan Pembantu Khidmat Awam (Gred H1)
Bahagian Pentadbiran

TIDAK HADIR DENGAN IZIN

PIHAK PEGAWAI

37. Encik Asrul bin Zakaria
Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC)

PIHAK PEKERJA

38. Puan Jojo Lizawaty binti Salim - **Pengerusi Pihak Pekerja**
Kumpulan Akauntan/ Juruaudit/ Penolong Akauntan/ Penolong Juruaudit
(Gred W1-W12)
Bahagian Akaun
39. Puan Siti Zulaikha binti Mahadi
Kumpulan Pegawai Undang-undang/ Penolong Pegawai Undang-Undang
(Gred L5-L10)
Unit Perundangan
40. Puan Nurul Hidayah binti Aman
Kumpulan Pegawai Undang-undang/ Penolong Pegawai Undang-Undang
(Gred L5-L10)
Unit Perundangan
41. Zaizarizal bin Zanil Abidin
Kumpulan Pembantu Khidmat Awam (Gred H1)
Bahagian Pembangunan Prasarana

URUS SETIA

1. Puan Nurul Ain binti Jumaat
Penolong Setiausaha BPSM
2. Puan Farhanah binti Abdullah
Pembantu Tadbir, BPSM

1.0 PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1 YBhg. Datuk Wira Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir ke Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) MOTAC Bilangan 1 tahun 2025.

- 1.2 Untuk makluman semua, mesyuarat MBJ akan diadakan tiga (3) kali setahun, iaitu sekali dalam tempoh empat (4) bulan seperti berikut:

Mesyuarat MBJ MOTAC	Tempoh Pelaksanaan (Sukuan)
Bil. 1/ 2025	Januari – April
Bil. 2/ 2025	Mei – Ogos
Bil. 3/ 2025	September - Disember

- 1.3 YBhg. Datuk Wira Pengerusi mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua wakil pekerja Majlis Bersama Jabatan (MBJ) yang baharu dilantik bagi sesi 2025-2026 dan diharapkan sentiasa menjaga kebajikan dan kesejahteraan warga MOTAC termasuk di Pejabat MOTAC Negeri.

1.4 SESI PENYERAHAN SURAT PELANTIKAN AHLI MBJ TAHUN 2025/ 2026

- 1.4.1 Penyerahan Surat Pelantikan kepada barisan Pihak Pekerja MBJ MOTAC Tahun 2025/2026. Senarai barisan Pihak Pekerja MBJ MOTAC Tahun 2025/ 2026 adalah seperti berikut:-

BIL	KUMPULAN JAWATAN	PENGERUSI	TIMB. PENERUSI
1.	Jurutera/Juruukur Bahan/Penolong Jurutera/ Arkitek/ Penolong Pegawai Senibina/ Pelukis Pelan/ Penjaga Jentera Elektrik (Gred J1-J12/ JA5-JA7)	Puan Ir. Atiqah binti Zainal Bahagian Pembangunan Prasarana	Encik Ahmad Rahizan bin Mohd Arif MaTiC
2.	Pegawai Tadbir Dan Diplomatik (Gred M9-M12)	Encik Hazwan bin Harun Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan	Puan Sharwani binti Mohd Shahrin Silva Bahagian Dasar Kebudayaan
3.	Pegawai/ Penolong Pegawai Undang-Undang (Gred L5-L10)	Puan Siti Zulaikha binti Mahadi Unit Perundangan	Puan Nurul Hidayah binti Aman Unit Perundangan

BIL	KUMPULAN JAWATAN	PENGERUSI	TIMB. PENERUSI
4.	Pegawai / Penolong Pegawai Perhubungan Awam (Gred S1-S12)	Puan Adilillah Laily binti Mohamed Yusof Unit Komunikasi Korporat	Encik Muhammad Anwarsya bin Mocktar @ Atan Unit Komunikasi Korporat
5.	Pegawai/ Penolong Pegawai Teknologi Maklumat/ Juruteknik Komputer (Gred F9-F12/ FA5-FA7/ FT1- FT2)	Encik Ridhuan bin Noor Affendi Bahagian Pengurusan Maklumat	Puan Rosmawati binti Yacop Bahagian Pengurusan Maklumat
6.	Pegawai/ Penolong Pegawai/ Pembantu Pustakawan/ Psikologi/ Arkib/Hal Ehwal Islam/ Kurator (Gred S1-S10)	Encik Wan Mohd Rahimi bin Rahim Bahagian Pentadbiran	Puan Akmal Fardhiana binti Muhamad Bahagian Pentadbiran
7.	Akauntan/ Penolong Akauntan/ Juruaudit/ Penolong Juruaudit (Gred W1-W12)	Puan Jojo Lizawaty binti Salim Bahagian Akaun	Encik Amrul Fazli bin Mohamad Bahagian Akaun
8.	Pembantu Tadbir Kewangan/ Pembantu Akauntan (Gred W1-W3)	Encik Mohd Asnizan bin Mat Sufi Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan	Puan Norsharniza binti Abd Rahim Bahagian Kewangan
9.	Pegawai Kebudayaan/ Pereka/ Fotografi (Gred B5-B12)	Puan Sabilah binti Kadir Bahagian Dasar Kebudayaan	Encik Mohamad Safran bin Nawi Bahagian Dasar Kebudayaan

BIL	KUMPULAN JAWATAN	PENGERUSI	TIMB. PENERUSI
10.	Penolong Pegawai Tadbir (Gred N5-N8)	Puan Musfaleza binti Mustapa Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan	Encik Rozli bin Abdul Rani Pejabat MOTAC Negeri Pahang
11.	Setiausaha/ Pembantu Setiausaha Pejabat/ Pembantu Khas/ Pegawai Khidmat Pelanggan (Gred N1-N7)	Puan Siti Nurhidayah binti Abd Aziz Bahagian Pengurusan Acara	Puan Nur Syafiqah binti Radzuan Bahagian Kewangan
12.	Pembantu Tadbir Kanan (Gred N2-N3)	Encik Md Mahathir bin Md Isa Bahagian MM2H	Puan Kamariah binti Taib Bahagian Kewangan
13.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) (Gred N1)	Puan Roshadilah binti Md Derus Pejabat Menteri	Puan Nur Amira binti Mohammad Rodzi Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
14.	Pembantu Khidmat Am (Gred H1)	Encik Zaizarizal bin Zanil Abidin Bahagian Pembangunan Prasarana	Encik Luqman Hakim Lubis bin M0hamed Pejabat TKSU (K)
		Encik Muhammad Saiful bin A Rahim Bahagian Pentadbiran	Encik Mohd Rafi bin Said Bahagian Pentadbiran

1.5 PENCAPAIAN MBJ MOTAC TAHUN 2023 - 2024

1.5.1 Pencapaian MBJ sepanjang tahun 2023 sehingga 2024 adalah seperti berikut:-

- a) Pemeriksaan kesihatan wajib warga MOTAC yang berumur 40 tahun ke atas;
- b) *Car boot sales* semasa Hari Sukan Negara @ MOTAC 2023;
- c) Migrasi emel ke MyGOVUC (storan & kapasiti 1TB);
- d) Pengukuhan Urus Setia Pejabat Negeri & perjawatan di MOTAC Negeri;
- e) Penguatkuasaan pemakaian pas pekerja & sistem keselamatan pintu pejabat;
- f) Pemilihan peserta kursus secara terbuka bagi kursus-kursus generik;
- g) Ujian Psikologi secara dalam talian bagi memperkasa Kesihatan mental warga MOTAC;
- h) Menaik taraf kelengkapan di Dewan Sanggar Pujangga, MOTAC;
- i) Sewaan kenderaan jabatan yang baharu di Pejabat MOTAC Negeri;
- j) Pelaksanaan pelekat kenderaan di MOTAC & baju korporat rasmi MOTAC;
- k) Sewaan laptop dengan spesifikasi yang lebih baik;
- l) Penyediaan tong sampah di parkir kenderaan;
- m) Penyelenggaraan dan menaik taraf padang bola tampar di MOTAC;
- n) Penganjuran Kursus *Team Building* bagi pegawai Gred 22 hingga 40 (terbuka) pada bulan September 2024 di Port Dickson;
- o) Penambahan koleksi buku di Perpustakaan MOTAC;
- p) 20 pas khas bagi laluan akses ke gimnasium MOTAC; dan
- q) Pemasangan lagu berunsur kebudayaan di lobi MOTAC.

1.6 GARIS PANDUAN PEMBUDAYAAN KESERONOKAN BEKERJA SEKTOR AWAM

1.6.1 Keseronokan bekerja merupakan salah satu elemen yang terkandung dalam Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam 2024 – 2030 di bawah Bidang Keberhasilan Reformasi 3 melalui Strategi Keberhasilan Reformasi 4 (SKR 4).

- 1.6.2 Garis panduan ini menjelaskan **komponen dan inisiatif pembudayaan keseronokan bekerja** bagi mewujudkan penjawat awam dan organisasi yang sejahtera serta berprestasi tinggi. Oleh itu, diperlukan kerjasama semua bagi memastikan pembudayaan keseronokan bekerja ini dapat dilaksanakan dengan berkesan.
- 1.7 PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA (MyPPSM) CERAIAN UP.4.1.1: DASAR BAHARU PENGURUSAN PRESTASI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL DAN KUMPULAN PELAKSANA (MyPERFORMANCE)**
- 1.7.1 Pelaksanaan MyPerformance diperincikan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian UP.4.1.1: **Dasar Baharu Pengurusan Prestasi Kumpulan Pengurusan Dan Profesional Dan Kumpulan Pelaksana (MyPerformance)**; dan
- 1.7.2 Ceraian UP.4.1.1 boleh dicapai melalui portal MyPPSM sebagai panduan untuk menjelaskan dasar, pelaksanaan dan pengurusan prestasi di bawah MyPerformance bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana. Ceraian ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2025**.
- 1.8 PEMERKASAAN PERANAN PIHAK PEKERJA MELALUI GALAKAN UNTUK BERGABUNG DENGAN MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN (MBK) DAN AKTIVITI PROMOSI MBK DALAM PROGRAM ANJURAN JABATAN**
- 1.8.1 Bagi memperkasa peranan Pihak Pekerja dengan memastikan pendapat dan cadangan daripada pegawai perkhidmatan awam khususnya berkaitan prinsip-prinsip saraan serta syarat-syarat perkhidmatan dapat dikemukakan kepada Kerajaan secara berstruktur, menyeluruh dan terangkum, pihak kementerian diminta untuk mengambil pendekatan seperti berikut:
- a) menggalakkan kesatuan sekerja dan persatuan kakitangan di jabatan/ agensi masing-masing untuk bergabung dengan MBK; dan
 - b) menyediakan platform bagi Pihak Pekerja MBK mempromosikan MBK (contoh: taklimat, reruai dan lain-lain) dalam program-program anjuran jabatan yang bersesuaian.

1.9 PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA (MyPPSM) CERAIAN UP.7.2.3: ETIKET PAKAIAN DAN PENAMPILAN PEGAWAI AWAM

- 1.9.1 Penambahbaikan Ceraian Ceraian UP.7.2.3: **Etiket Pakaian dan Penampilan Pegawai Awam** ini memberi penjelasan yang lebih terperinci berhubung etiket berpakaian, di samping memastikan ia kekal relevan serta selaras dengan perubahan dan keperluan semasa dalam perkhidmatan awam. Selain itu, pekeling baharu ini menjadi panduan kepada Ketua Jabatan untuk memantau dan memastikan pegawai seliaan mematuhi tatacara pemakaian pakaian dan penampilan pegawai awam;dan
- 1.9.2 Ceraian UP.7.2.3 ini boleh dicapai melalui portal MyPPSM sebagai panduan untuk menjelaskan tatacara pemakaian pakaian dan penampilan pegawai awam. Ceraian ini berkuatkuasa mulai **6 Januari 2025**.

1.10 PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA (MyPPSM) CERAIAN UP.5.1.2: PEMBERIAN INSENTIF BERASASKAN PRESTASI BAGI PEGAWAI KUMPULAN PELAKSANA PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN

- 1.10.1 Selaras dengan pekeling Sistem Saraan Perkhidmatan Awam ini, **Pemberian Insentif Berasaskan Prestasi (BIPs)** juga telah diperkenalkan sebagai galakan bagi **meningkatkan motivasi kerja dan mengekalkan kecemerlangan prestasi pegawai Kumpulan Pelaksana**;dan
- 1.10.2 Ceraian UP.5.1.2 Pemberian Insentif Berasaskan Prestasi boleh dicapai melalui portal MyPPSM sebagai panduan untuk menjelaskan dasar dan pelaksanaan BIPs bagi Kumpulan Pelaksana Perkhidmatan Awam Persekutuan. Ceraian ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2025**.

Makluman

1.11 PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA (MyPPSM) CERAIAN U.P.6.1.2: DASAR BAHARU KEMAJUAN KERJAYA LALUAN PAKAR BIDANG KHUSUS

- 1.11.1 Sebagaimana yang dinyatakan dalam pekeling Sistem Saraan Perkhidmatan Awam, pelaksanaan kemajuan kerjaya secara laluan **Pakar Bidang Khusus** ini diperincikan di bawah Pekeling

Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian U.P.6.1.2 - Dasar Baharu Kemajuan Kerjaya Laluan Pakar Bidang Khusus. Ia berkuatkuasa mulai **1 Januari 2025**.

Makluman

1.12 PELAN OPERASI LATIHAN (POL) MOTAC BAGI TAHUN 2025

1.12.1 YBhg. Datuk Wira Pengerusi memaklumkan bahawa Pelan Operasi Latihan (POL) MOTAC Bagi Tahun 2025 telah diluluskan pada **6 Januari 2025** dengan anggaran peruntukan sebanyak **RM2,260,321.00** dan berikut adalah keputusan-keputusan hasil daripada mesyuarat PPSM tersebut:

- a) **Peruntukan latihan** bagi tahun 2025 secara keseluruhannya diletakkan di bawah **BPSM** dan pelaksanaan program latihan yang dirancang oleh Bahagian dan Unit akan dikendalikan oleh Bahagian dan Unit masing-masing;
- b) **Kajian setengah tahun POL 2025** akan dilaksanakan bagi menyemak semula pelaksanaan kursus, prestasi perbelanjaan dan baki peruntukan semasa bagi memastikan peruntukan adalah mencukupi untuk menampung perbelanjaan POL yang belum dilaksanakan dari Julai sehingga Disember 2025;
- c) Semua Bahagian dan Unit diminta untuk **mengenalpasti dan menyusun semula keutamaan kursus-kursus** yang boleh dilaksanakan dengan peruntukan sedia ada sehingga bulan Jun 2025;
- d) **Menangguhkan arahan mewajibkan** tujuh (7) hari berkursus bagi tahun 2025. Walau bagaimanapun, semua pegawai/kakitangan diwajibkan untuk menghadiri sekurang-kurangnya **lima (5) hari** berkursus manakala **Pembantu Khidmat Awam (PKA)** pula diwajibkan untuk menghadiri sekurang-kurangnya **tiga (3) hari** berkursus;
- e) **Kertas Pertimbangan atau Minit Ceraian** bagi setiap pelaksanaan kursus hendaklah disediakan untuk **kelulusan Pegawai Pengawal** walaupun Mesyuarat PPSM-Latihan telah meluluskan peruntukan POL 2025. Ini adalah bagi memastikan **perbelanjaan sebenar** pelaksanaan kursus adalah terkawal;

- f) **Lokasi penganjuran kursus** dihadkan di sekitar Lembah Klang sahaja. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan untuk melaksanakan kursus tersebut di luar daripada lokasi yang dibenarkan, **justifikasi** hendaklah dinyatakan di dalam kertas pertimbangan sebelum melaksanakan kursus tersebut; dan
- g) Bagi pelaksanaan kursus yang menggunakan **perkhidmatan bas** jabatan, permohonan bagi sewaan menggunakan perkhidmatan bas luar bolehlah dimohon bersekali di dalam kertas pertimbangan. Pertimbangan bersekali ini bagi memastikan perolehan sewaan bas dapat dilaksanakan secara teratur dan cepat sekiranya bas jabatan mengalami kerosakan atau tidak tersedia pada masa yang diperlukan.

Makluman

1.13 PELAWAAN PERMOHONAN PROGRAM PENAJAAN KUMPULAN PELAKSANA (PPKP) TAHUN 2025

- 1.13.1 YBhg. Datuk Wira Pengerusi memaklumkan bahawa Pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ingin mempelawa Pegawai Kumpulan Pelaksana (PKP) dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan (tidak termasuk Badan Berkanun Persekutuan) yang berminat dan berkecenderungan untuk memohon Program Penajaan Kumpulan Pelaksana (PPKP) 2025 bagi pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda atau Diploma secara sepenuh masa; dan
- 1.13.2 Program ini telah dibuka secara talian mulai **14 Februari 2025 hingga 14 Mac 2025**.

Makluman

1.14 PROGRAM PENILAIAN CELIK DIGITAL PENJAWAT AWAM 2024

- 1.14.1 YBhg. Datuk Wira Pengerusi memaklumkan bahawa Pentadbir Latihan Bahagian (PLB) MOTAC dimohon untuk memaklumkan program ini kepada pegawai dan kakitangan yang tersenarai untuk menyelesaikan penilaian Celik Digital Penjawat Awam selewat-lewatnya pada **15 Mac 2025** melalui laman sesawang <https://www.celikdigital.gov.my>; dan

- 1.14.2 Walau bagaimanapun, sekiranya pegawai dan kakitangan **tidak melepasi tahap celik digital**, mereka perlu mengikuti Kursus Celik Digital secara online melalui E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA®) sehingga selesai selewat-lewatnya **15 Mac 2025** juga bagi memastikan tahap celik digital MOTAC dapat dicapai.

Makluman

1.15 PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA (PPSM) CERAIAN UP.1.3.6: DASAR PENGAMBILAN DAN PENGURUSAN INKLUSIF ORANG KURANG UPAYA

- 1.15.1 YBhg. Datuk Wira Pengerusi memaklumkan bahawa selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI, dasar ini perlu ditambah baik dengan penjelasan terperinci berhubung pengambilan dan pengurusan inklusif OKU. Ceraian ini turut mengandungi Garis Panduan Pengurusan Tempat Kerja Yang Inklusif untuk membantu Ketua Jabatan mewujudkan tempat kerja yang lebih inklusif dan produktif;
- 1.15.2 Di samping itu, Ketua Jabatan disarankan untuk menggalakkan pegawai OKU di bawah seliaan masing-masing untuk mengisytiharkan status mereka dalam HRMIS. Langkah ini penting bagi memastikan data yang dikemas kini dapat membantu dalam perancangan serta pelaporan yang lebih tepat; dan
- 1.15.3 Ceraian UP.1.3.6: Dasar Pengambilan dan Pengurusan Inklusif OKU serta Garis Panduan Pengurusan Tempat Kerja Yang Inklusif ini boleh dicapai melalui portal MyPPSM di laman web rasmi JPA. Ceraian ini berkuat kuasa mulai **17 Februari 2025**.

Makluman

1.16 PELAKSANAAN E-PEMBELAJARAN SEKTOR AWAM (EPSA) MALAYSIA MADANI PERKHIDMATAN AWAM (MMPA)

- 1.16.1 YBhg. Datuk Wira Pengerusi memaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) telah membangunkan dan menawarkan Modul Latihan Malaysia MADANI Perkhidmatan Awam (MMPA) mulai tahun 2023 dalam upaya memperkasakan pemahaman pegawai awam terhadap gagasan tersebut;

- 1.16.2 Pelaksanaan Modul Latihan MMPA ini turut dijadikan sebagai satu daripada inisiatif dalam Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam di bawah Teras Keberhasilan 1: Penghayatan Nilai dan Tatakelola yang diperkenalkan oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara (KSN) pada tahun 2024. Malah, semasa Majlis Amanat KSN pada 20 Januari 2025, YBhg. Tan Sri KSN sekali lagi menekankan agar usaha untuk memperkasakan pemahaman pegawai awam terhadap gagasan Malaysia MADANI hendaklah dipelbagaikan kaedahnya;dan
- 1.16.3 Oleh itu, dimohon kerjasama bagi memastikan penglibatan semua pegawai awam di bawah seliaan masing-masing untuk mengikuti program latihan EPSA® MMPA yang boleh dicapai melalui pautan <https://www.epsa.gov.my/>. Dalam hal ini, pelaporan pelaksanaan latihan tersebut hendaklah dikemukakan secara berkala kepada INTAN melalui Pegawai Penyelaras Malaysia MADANI yang telah dilantik di jabatan masing-masing.

Makluman

1.17 PELAKSANAAN URUSAN PUSINGAN KERJA BAGI PEGAWAI PETUGAS KAUNTER

- 1.17.1 Berdasarkan arahan dan saranan oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara, pelaksanaan pusingan kerja melibatkan pegawai petugas kaunter ini adalah penting antaranya untuk meningkatkan produktiviti dan keberkesanan perkhidmatan awam dengan memperkenalkan perspektif baharu dalam tugas pegawai;
- 1.17.2 Selain itu, pusingan kerja ini dapat memastikan pegawai sentiasa mempunyai peluang untuk membangunkan kemahiran baharu serta memperluaskan pengalaman kerja mereka dan menyokong aspirasi kerajaan untuk memperkukuhkan perkhidmatan awam yang responsif serta berdaya saing. Sekiranya urusan pusingan kerja ini tidak dilaksanakan, ia boleh menjejaskan motivasi, produktiviti, dan kesejahteraan pegawai;dan
- 1.17.3 Semua pegawai pengawal telah dimohon mengenal pasti pegawai yang telah berkhidmat di kaunter perkhidmatan melebihi lima (5) tahun dan ke atas untuk dilaksanakan pusingan kerja bagi pegawai yang terlibat mulai **3 Februari 2025**.

Makluman

1.18 BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2025

- 1.18.1 YBhg. Tan Sri KKPA melalui surat bertarikh 27 Januari 2025 telah memaklumkan bahawa YAB Perdana Menteri melalui pembentangan Belanjawan Tahun 2025 telah mengumumkan pemberian Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2025 sebanyak **RM500.00** kepada penjawat awam **Gred 15 dan ke bawah**, dan pegawai/ kakitangan lantikan kontrak. Syarat-syarat yang perlu dipatuhi jelas dinyatakan dalam surat tersebut;
- 1.18.2 Di samping itu, BKK ini dipanjangkan kepada **pesara Kerajaan**, veteran berpencen dan veteran tidak berpencen dengan bayaran sebanyak **RM250.00**;
- 1.18.3 Bagi pesara Kerajaan dan veteran yang dilantik semula secara lantikan tetap, sementara dan COS yang masih berkhidmat pada 25 Februari 2025 layak dibayar sebanyak RM500. Pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibuat oleh JPA atau JHEV, dan baki sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat;
- 1.18.4 Seterusnya, pegawai yang **meninggal dunia** pada 25 Februari 2025 **layak** diberi BKK sebanyak **RM500.00**; dan
- 1.18.5 BKK Tahun 2025 ini dibayar pada **25 Februari 2025**, dan menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran tersebut. Pemberian BKK ini akan **dikecualikan** cukai pendapatan selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Makluman

2 PERUTUSAN Pengerusi Pihak Pekerja

- 2.1 YBr. Timbalan Pengerusi Pihak Pekerja mengucapkan salam kepada YBhg. Datuk Wira Pengerusi, wakil-wakil Pihak Pegawai, wakil-wakil Pihak Pekerja dan urus setia MBJ MOTAC.

- 2.2 YBrS. Pengerusi Pihak Pekerja juga mengucapkan terima kasih kepada Pihak Pegawai yang sentiasa prihatin terhadap usul-usul yang diutarakan oleh Pihak Pekerja dan menyediakan platform untuk membincangkan isu-isu berkaitan kebajikan pekerja, pembangunan kerjaya, serta peningkatan produktiviti secara bersama. Antara perkara yang ingin dikemukakan dalam mesyuarat MBJ ini termasuklah aspek kesejahteraan pekerja seperti kebajikan, persekitaran kerja yang kondusif, serta peluang peningkatan kemahiran dan kerjaya. Oleh yang demikian, adalah diharapkan sokongan daripada pihak pegawai dalam aspek latihan, keseimbangan kerja dan kehidupan, serta penghargaan terhadap sumbangan pekerja amatlah dihargai.

Makluman

3 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

- 3.1 Minit mesyuarat MBJ MOTAC Bilangan 3 Tahun 2024 bertarikh 8 November 2024 telah disahkan tanpa sebarang pindaan.

Makluman

4 PERBINCANGAN PERKARA BERBANGKIT (DARIPADA MESYUARAT BILANGAN 3 TAHUN 2024)

- 4.1 **Permohonan penggantian komputer ke jenama Lenovo / terbaharu sebanyak sembilan (9) unit untuk Pembantu Operasi (PO)**

- 4.1.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa perolehan bagi pembelian komputer ini telah diiklankan pada 14 Januari 2025 hingga 4 Februari 2025. Oleh itu, proses penilaian jawatankuasa teknikal sedang dijalankan dan dijangka perolehan ini akan selesai pada bulan Julai/ Ogos 2025.

Selesai

- 4.2 **Penganjuran team building untuk pegawai P&P bersama pengurusan tertinggi MOTAC**

- 4.2.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia - Latihan Bil.1 Tahun 2025 memutuskan agar penganjuran team building untuk pegawai P&P bersama pengurusan tertinggi MOTAC dianjurkan **mengikut sektor** selaras dengan Minit Mesyuarat Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia - Latihan Bil.1 Tahun 2025 bertarikh 6 Januari 2025. Cadangan tarikh penganjuran kursus ini ialah adalah seperti berikut:-

- a) Kursus Kepimpinan dan Pengukuhan Organisasi Berintegriti **Sektor Pengurusan** Anjuran Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Tahun 2025. Cadangan tarikh: 8-10 September 2025;
- b) Kursus Kepimpinan dan Pengukuhan Organisasi Berintegriti **Sektor Kebudayaan** Anjuran Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Tahun 2025. Cadangan Tarikh: 1-3 Oktober 2025; dan
- c) Kursus Kepimpinan dan Pengukuhan Organisasi Berintegriti **Sektor Pelancongan** Anjuran Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Tahun 2025. Cadangan Tarikh ialah 5-7 November 2025

Makluman

4.3 Keperluan Kursus Mengikut Skim Perkhidmatan

- 4.3.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa penganjuran kursus mengikut skim perkhidmatan di MOTAC akan **meningkatkan jumlah perbelanjaan** kementerian. Oleh demikian, BPSM mencadangkan agar wakil skim perkhidmatan boleh mengemukakan kertas pertimbangan untuk kelulusan YBhg. Datuk Wira KSU mengikut keperluan sahaja.

Makluman

4.4 Persidangan Penolong Pegawai Tadbir (PPT) MOTAC

- 4.4.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa Minit Ceraian Persidangan Penolong Pegawai Tadbir (PPT) MOTAC telah disokong dengan pindaan oleh YBhg. Dato' Shahrudin bin Abu Sohot, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) pada 10 Februari 2025 yang lalu berikutan lokasi penganjuran luar daripada Lembah Klang dan pengisian program hanya menekankan berkenaan *team building* sahaja.
- 4.4.2 Sehubungan itu, wakil skim PPT dimohon untuk meminda lokasi penganjuran dan pengisian program mengikut takrifan persidangan yang betul seperti hala tuju skim dan penambahbaikan skim untuk masa akan datang.

Tindakan: Skim PPT

4.5 Permohonan Pelan Operasi Latihan (POL) Tidak Diangkat Untuk Kelulusan Kali Kedua

- 4.5.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia - Latihan Bil.1 Tahun 2025 telah memutuskan agar minit ceraiian penganjuran kursus/ latihan/ bengkel perlu **diangkat semula** untuk kelulusan YBhg. Datuk Wira KSU walaupun POL telah diluluskan, selaras dengan Minit Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia - Latihan Bil.1 Tahun 2025 bertarikh 6 Januari 2025 yang lalu.
- 4.5.2 Keputusan ini adalah sebagai kawalan dalaman terutama kos luar jangka dan maklumat di dalam permohonan POL juga tidak diperincikan semasa permohonan dikemukakan kepada BPSM.

Makluman

4.6 Takwim POL Diedarkan/ Dimaklumkan Secara Bulanan Kepada Warga MOTAC

- 4.6.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa maklumat terperinci berkenaan Takwim POL 2025 telah dimuat naik di laman sesawang MOTAC pada **3 Februari 2025**.
- 4.6.2 Walau bagaimanapun, BPSM akan berbincang dan mendapatkan khidmat nasihat daripada BPM berkenaan cadangan paparan takwim di dalam sistem e-kursus yang mungkin akan melibatkan perutukan kewangan dan tenaga kerja luar (*vendor*).

Tindakan: BPSM

4.7 Urusan Kenaikan Pangkat Skim Pegawai Kebudayaan

- 4.7.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa BPSM akan membuat semakan terperinci berhubung status kelayakan Pegawai Kebudayaan Gred B7 ke Gred B9 bagi urusan pemangkuan ini secara melangkau berdasarkan Skim Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).

Makluman

4.8 Cadangan Penyediaan Tong Sampah di Parkir Kenderaan

- 4.8.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa BT telah mengambil tindakan meletakkan tong sampah di aras B1, B2 dan B3 dan tong sampah yang telah disediakan mencukupi.

Makluman

5.0 USUL/ CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA

- 5.1 tiada

6.0 HAL-HAL LAIN

6.1 Pengesahan Perlembagaan MBJ MOTAC

- 6.1.1 YBhg. Datuk Wira Pengerusi dan ahli mesyuarat bersetuju dengan Perlembagaan MBJ MOTAC yang baharu selaras dengan pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) dimana terdapat perubahan dari segi penyeragaman dan penggelaran semula gred-gred jawatan.

Tindakan: BPSM

7.0 PENUTUP

- 7.1 YBhg. Datuk Wira Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi.

Disediakan oleh:



.....
(NURUL AIN BINTI JUMAAT)

Urus Setia

Majlis Bersama Jabatan

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

Disemak oleh:



.....
(SHANKARAN A/L RAMASOMDRAM)

Setiausaha Pihak Pegawai

Majlis Bersama Jabatan

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya



.....
(SITI NURHIDAYAH BINTI ABD AZIZ)

Setiausaha Pihak Pekerja

Majlis Bersama Jabatan

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya